

# Projek minyak masak terpakai

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

**BH PLUS**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video



**Ahmad Mahdiyuddin (kiri) dan peniaga kedai makan, Haikal Baharudin, menuangkan minyak masak terpakai ke dalam tong simpanan khas.**

➔ Golden Oil dikendalikan 47 pelajar USIM bantu kurangkan pencemaran

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

► Nilai

**H**asrat mengurangkan pencemaran mendorong sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, mengumpul minyak masak terpakai, daripada penduduk setempat bagi mengelak dibuang sewenang-wenangnya.

Projek dikenali sebagai Golden Oil itu, dikendalikan 47 pelajar Kelab Enactus USIM sejak 2012 secara mengumpul minyak masak terpakai dari kedai makan, kantin sekolah serta rumah penduduk sekitar Bandar Baru Nilai, di sini.

Ketua projek, Ahmad Mahdiyuddin Abdul Manan, 22, berkata usaha mereka bertujuan mengelak minyak masak terpakai itu dibuang secara terus ke longkang dan sistem saliran sebagai cara mudah melupusnya.

"Projek ini juga sekali gus memberi pendedahan kepada orang ramai su-

paya tidak membuang minyak masak terpakai pada tempat tidak sepatutnya, bagi mengelak menjadi penghalang pengaliran air.

"Jika longkang dan saliran tersumbat, pelbagai masalah timbul seperti pencemaran atau menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Ini yang kita cuba elakkan daripada terus berlaku," katanya ketika ditemui di USIM, di sini.

#### Beri minyak percuma

Pelajar Tahun Tiga Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM itu, berkata setakat ini kebanyakan kedai makan hanya memberikan minyak terbabat kepada mereka secara percuma.

"Di kawasan perumahan, kami menempatkan tong pada lokasi tertentu untuk memudahkan penduduk memasukkan minyak masak terpakai dari rumah masing-masing, manakala di sekolah, kami pergi ambil sendiri.

"Kini, setiap bulan kami mengumpul kira-kira 500 kilogram minyak berbanding hanya 900 kilogram setahun pada awal program dulu. Peningkatan ini membuktikan kempen kesedaran menunjukkan hasil apabila orang ramai semakin peka terhadap usaha mengurangkan pencemaran," katanya.

Ahmad Mahdiyuddin berkata, masih banyak usaha perlu dibuat bagi memastikan projek mereka untuk melestarikan alam sekitar di sekitar bandar itu mencapai matlamat.

Katanya, kelab terbabat dalam pro-

ses menghasilkan produk sendiri daripada menjual secara langsung minyak terpakai terbabat.

#### Bahan biodiesel

"Ketika ini minyak yang dikumpul di stor Pusat Kegiatan Pelajar USIM, sebelum dijual kepada syarikat minyak dan gas, Uni10 Energy Sdn Bhd, untuk dikitar semula sebagai bahan biodiesel kegunaan kenderaan berat tetapi membuang bahan gliserin.

"Gliserin adalah bahan utama yang digunakan untuk membuat sabun, lilin, minyak rambut atau pelembab bibir. Kami akan mengumpul pula bahan terbabat untuk menghasilkan sabun mandi atau pencuci muka.

"Kini proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) masih berjalan dan kami berharap dapat menghasilkan produk sendiri nanti," katanya.

Usaha berterusan ahli Kelab Enactus sejak beberapa tahun lalu itu, membolehkan mereka menerima Anugerah Projek Keusahawanan Terbaik menerusi Anugerah Keusahawanan USIM 2015.

Tahun lalu, projek itu juga membolehkan mereka mendapat tempat keempat pertandingan Enactus Malaysia National Cup 2015 yang disertai oleh 17 universiti awam (UA) seluruh negara.

Ahmad Mahdiyuddin berkata, mereka menyertai pertandingan itu sejak tiga tahun lalu dan berharap usaha berterusan itu membolehkan mereka mendapat tempat pertama dalam pertandingan sama pada tahun ini.

Fakta  
nombor

900  
KILOGRAM

minyak masak terpakai dikumpul setahun pada awal program

500  
KILOGRAM

minyak masak terpakai dikumpul setiap bulan